

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-25
KOPERASI MIDA KUALA LUMPUR BERHAD (KOMIDA)

TARIKH : 18 DISEMBER 2025
MASA : 3.00 PETANG
TEMPAT : DEWAN PERDANA, TINGKAT 10
MIDA SENTRAL

AGENDA 1: UCAPAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi KOMIDA, Encik Sherulanuar Abd. Karim memulakan mesyuarat dengan lafaz kesyukuran kepada Allah swt. Dan memohon agar dipermudahkan perjalanan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Koperasi MIDA Kuala Lumpur Berhad yang ke-24. Pengerusi seterusnya mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran Anggota Lembaga Pengarah (ALP) KOMIDA dan semua anggota KOMIDA termasuk pesara-pesara MIDA yang hadir secara fizikal di Dewan Perdana dan juga secara atas talian.
- 1.2 Setinggi-tinggi penghargaan turut diberikan kepada barisan Ahli Lembaga Pengarah dan seluruh kakitangan KOMIDA atas komitmen serta dedikasi yang tidak berbelah bahagi dalam memacu Koperasi dan beliau berharap bimbingan dan doa semua anggota serta Pengurusan MIDA sentiasa menyertai perjalanan Koperasi.
- 1.3 Pengerusi memaklumkan MAT kali ini akan membentangkan Kedudukan Kewangan Tahun Berakhir 30 Jun 2022 dan masih terdapat dua (2) akaun yang belum selesai iaitu tahun kewangan 2023 dan 2024. Kelewatan ini adalah disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 yang turut menjejaskan penganjuran MAT pada tahun 2022 dan seterusnya. Walau bagaimanapun, KOMIDA akan terus meningkatkan tatakelola korporat, bercadang untuk melantik perkhidmatan pihak ketiga untuk mempercepat dan mengemaskini semua penyata kewangan ke tarikh

terkini. Adalah diharapkan semoga usaha ini dapat diselesaikan pada tahun hadapan.

- 1.4 Pengerusi juga memaklumkan bahawa KOMIDA terus beroperasi dalam landskap kewangan yang mencabar, yang memerlukan pengurusan perbelanjaan yang sangat teliti bagi mengekalkan kesihatan kewangan yang kukuh. Antara cabaran yang paling ketara seperti pengeluaran modal syer oleh ahli yang bersara dan kehilangan aliran hasil utama terus memberi tekanan kepada Koperasi. Pengerusi seterusnya menekankan mengenai peranan ahli sangat penting untuk terus mencarum dan meningkatkan pelaburan melalui penambahan modal syer bagi ketahanan dan pertumbuhan KOMIDA.
- 1.5 Mesyuarat dimaklumkan mengenai zaman kegemilangan KOMIDA yang sebelum ini disokong oleh hasil penyewaan tanah MIDA di Jalan Ampang (sehingga Mei 2018) dan perkongsian keuntungan pengurusan tempat letak kereta di bangunan MIDA (sehingga Mac 2021) telah pun berakhir. Oleh itu, KOMIDA kini telah beralih ke era baharu yang memerlukan sumber pertumbuhan yang lebih mampan dan lestari.
- 1.6 Semasa MAT ke-22 dan ke-23 yang terdahulu, Mesyuarat telah membentangkan dan meluluskan beberapa perniagaan baharu seperti aktiviti perniagaan di Terminal Bersatu Gombak, ternakan lembu/kambing secara usahasama, serta perkhidmatan kafeteria secara usahasama. Namun, projek-projek tersebut terpaksa ditangguhkan dan dikaji semula dengan mengambil kira risiko, keupayaan pengurusan projek semasa iaitu segi tenaga kerja dan kewangan.
- 1.7 Seterusnya, KOMIDA telah membuat pelaburan ekuiti dalam syarikat pada Ogos 2021 sehingga Julai 2024 (3 tahun) bagi tujuan 'Pelaburan Berkembang' (Growing Investment) sebanyak RM500,000.00, dengan kadar pulangan tahunan sebanyak 20%. Pelaburan ini dijangka memberikan jumlah pulangan kumulatif sebanyak RM300,000.00 pada akhir tahun ke tiga akan menyumbang secara positif kepada kedudukan kewangan Koperasi. Namun, pada 2024, di sebabkan faktor ekonomi yang tidak menentu dan permintaan yang menurun, syarikat tidak dapat membayar dividen sebanyak RM50,000. Perkara ini sedang dipantau rapat dan sedang dalam tindakan guaman, bagi

mendapatkan semula baki dividen serta prinsipal pelaburan daripada syarikat tersebut.

- 1.8 Pengerusi seterusnya merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada ahli KOMIDA yang sentiasa memberi sokongan terhadap aktiviti Bazar serta kepada peminat-peminat setia yang membeli melalui borang kuning, pinjaman segera, pinjaman khas pelajaran, pinjaman berjamin, insurans kenderaan bermotor, dan lain-lain. Tanpa sokongan ahli tiadalah KOMIDA.
- 1.9 Kewujudan KOMIDA adalah untuk memberikan kebajikan kepada ahlinya. Bagi menyantuni ahli-ahli, KOMIDA telah meminda syarat-syarat pinjaman seperti berikut:
 - Ahli yang mempunyai Skim Jimat Cermat (SJC) melebihi RM3,000.00 dikecualikan daripada penjamin dan tidak boleh mengeluarkan simpanan SJC beliau sepanjang tempoh pinjaman.
 - Jumlah maksimum pinjaman segera dinaikkan kepada RM5,000.00.
 - Tempoh caruman minima selama 36 bulan untuk layak membuat pinjaman telah dimansuhkan.
- 1.10 Melangkah ke hadapan, KOMIDA juga sedang mencari Pengurus untuk menguruskan projek-projek perniagaan dan turut mengalu-alukan ahli-ahli yang berkebolehan dalam perniagaan untuk sama-sama menilai beberapa projek dalam 'pipeline'.
- 1.11 Mesyuarat pada kali ini akan menyaksikan beberapa Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang akan turun mengosongkan jawatan termasuk Pengerusi sendiri dan boleh dilantik semula. Pengerusi menyeru agar pemilihan ALP seharusnya bersifat membina, bukan semata-mata untuk penggantian dan serta penilaian yang bijak calon serta yang dilihat mampu merealisasikan aspirasi dan cita-cita bersama demi masa depan koperasi. Pada masa yang sama beliau turut membuka ruang kepada bakat-bakat muda untuk tampil memimpin sebagai satu langkah pewarisan kepimpinan yang sihat.
- 1.12 Sebelum mengakhiri keputusan ini, Pengerusi sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Pengurusan MIDA, Ahli Lembaga Pengarah KOMIDA, Juruaudit Dalaman, Juruaudit Luar, dan semua ahli KOMIDA yang menjadi tunggak

utama koperasi ini. Tidak lupa juga kepada pengasas-pengasas Koperasi MIDA Kuala Lumpur Berhad serta ALP terdahulu.

AGENDA 2: MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-24 KOMIDA

- 2.1 Seramai 302 orang anggota telah hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-24 KOMIDA yang telah diadakan pada 31 Mei 2024. Angka ini adalah melebihi bilangan korum yang diperlukan iaitu satu pertiga daripada jumlah anggota seramai 677 orang.
- 2.2 Deraf minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-24 KOMIDA telah diteliti dan ditentusahkan oleh 6 orang anggota dan juga 4 orang anggota Lembaga Pengarah yang telah dilantik pada Mesyuarat Agung Tahunan KOMIDA Ke-23.
- 2.3 Mesyuarat bersetuju menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-24 KOMIDA dengan cadangan daripada Puan Amirah Mokhtar (No. 0670) dan disokong oleh Encik Mohammad Firdhaus Abbas (No.0535).

AGENDA 3: PELANTIKAN JAWATANKUASA UNTUK MENENTUSAHKAN DERAf MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-25 KOMIDA

- 3.1 Satu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan empat (4) orang anggota Lembaga Pengarah perlu ditubuhkan bagi menentukan deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-25 KOMIDA.
- 3.2 Mesyuarat telah mencadangkan anggota-anggota berikut sebagai ahli Jawatankuasa tersebut:-
 - (i) Puan Che Hainoor Abdul Hamid (No. 0035)
 - (ii) Cik Nur Erisa Aiman Ahmad Rhobinuddin (No. 0969)
 - (iii) Puan Noor Shakirin Zainol (No. 0816)

- (iv) Puan Farazila Ahmad (No. 0487)
 - (v) Puan Siti Sarbanun Shaik Baharudin (No. 0434)
 - (vi) Encik Haslan Harun (No. 0922)
- 3.3 Mesyuarat telah melantik empat (4) orang Anggota Lembaga Pengarah yang akan menyertai Jawatankuasa yang terdiri daripada:
- (i) Encik Muhammad Azizul-Atfi Adnan (No. 0704)
 - (ii) Puan Salasiah Haddunya (No.0368)
 - (iii) Puan Salmi Azila Mat Isa (No. 0466)
 - (iv) Puan Hartinie Mohd Apaidi (No. 0458)
- 3.4 Encik Nik Mohd. Faizal Nik Kamarudin (No. 0968) telah mencadangkan anggota-anggota dan Anggota Lembaga Pengarah yang dilantik tersebut sebagai jawatankuasa untuk menentusahkan deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-25 KOMIDA diterima dan ianya telah disokong oleh Cik Juliana Abu Bakar (No. 0849).

AGENDA 4: LAPORAN AKTIVITI KOMIDA BAGI TEMPOH JULAI 2021 HINGGA JUN 2022

- 4.1 Mesyuarat dimaklumkan tempoh Julai 2021 hingga Jun 2022 masih merupakan fasa pasca-COVID-19 dan kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sepanjang tahun 2021. Namun, bermula awal tahun 2022, keadaan semakin pulih dan aktiviti perniagaan KOMIDA telah mula dijalankan khususnya penganjuran bazar.

- 4.2 Antara aktiviti-aktiviti KOMIDA sepanjang tempoh tersebut adalah:

I. PINJAMAN

Terdapat empat (4) jenis pinjaman yang disediakan, iaitu:

- a) **Pinjaman Khas Pelajaran.** Had maksimum sebanyak RM3,000.00 dan tempoh pinjaman selama 12 bulan. Pinjaman ini merupakan perkhidmatan yang paling tinggi permintaan dengan 64 permohonan

telah diluluskan sepanjang tempoh Julai 2021 sehingga Jun 2022, yang berjumlah RM191,000.00. Kadar caj perkhidmatan adalah 2%.

- b) **Pinjaman Segera**. Had maksimum sebanyak RM3,000.00 dengan tempoh pinjaman selama 12 bulan. Sepanjang tempoh Julai 2021 sehingga Jun 2022, sebanyak 15 pinjaman telah diluluskan dengan jumlah RM39,500.00 dan kadar caj perkhidmatan sebanyak 4%.
- c) **Pinjaman Berjamin**. Had maksimum sebanyak RM20,000.00 dan caj perkhidmatan adalah 5.25% serta tempoh maksimum untuk pinjaman ini adalah 84 bulan. Sepanjang tempoh Julai 2021 sehingga Jun 2022, sebanyak 4 permohonan diluluskan dengan jumlah pinjaman berjumlah RM47,000.00.
- d) **Pinjaman Kecemasan**. Had maksimum sebanyak RM500.00 dan tiada caj perkhidmatan dikenakan. Tempoh pinjaman adalah 5 bulan. Pinjaman ini adalah bagi membantu ahli dalam situasi kecemasan dan perlu disertakan bukti nyata seperti sijil kematian, sakit atau apa-apa bencana diri yang memerlukan sokongan kewangan segera. Tiada permohonan yang diluluskan dalam tempoh tersebut.

II. INSURANS

KOMIDA adalah agen insurans kepada syarikat Etiqa Takaful Berhad dan Takaful Ikhlas Berhad dengan menjalankan perkhidmatan perlindungan insurans kenderaan bermotor, asset, kembara dan Pelan Mutiara.

Kemudahan potongan gaji secara bulanan juga disediakan kepada ahli KOMIDA yang mengambil perlindungan insurans kenderaan melalui KOMIDA. Aktiviti ini, memberi pulangan sebanyak 10 hingga 15 peratus daripada jualan kasar premium bagi setiap kenderaan atau aset yang diinsuranskan.

Sepanjang tempoh Julai 2021 sehingga Jun 2022, jumlah premium insurans kenderaan dibayar adalah RM166,672.52, premium insurans aset sebanyak RM68,763.55 dan Pelan Mutiara sebanyak RM32,650.00. Melalui

perkhidmatan ini KOMIDA telah menerima komisyen dan lain-lain keuntungan sebanyak RM35,144.29.

III. BAZAR

Sepanjang tempoh Julai 2021 sehingga Jun 2022, bilangan penganjuran bazar KOMIDA agak terhad berikutan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang tahun 2021. Jumlah sewaan tapak dan keuntungan daripada penganjuran bazar adalah RM10,596.80.

IV. TABUNG KEBAJIKAN

KOMIDA juga memberikan sumbangan sosial kepada anggota-anggotanya melalui Tabung Kebajikan KOMIDA. Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022, sumbangan yang diberikan adalah berjumlah RM15,600.00 seperti pecahan berikut:

Sumbangan kepada Anggota yang meninggal dunia, kematian ibu, bapa, pasangan dan anak	RM13,000.00
Sakit Kritikal	RM2,000.00
Insentif Kemasukan Wad (Hospital)	RM600.00

Pembentangan dan pengesahan aktiviti KOMIDA sepanjang tempoh Julai 2021 sehingga Jun 2022 telah dicadangkan oleh Encik Sherulanuar Abd Karim (No.0410) dan disokong oleh Encik Mohammad Firdhaus Abbas (No. 0535).

AGENDA 5: MENIMBANG DAN MELULUSKAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TEMPOH 1 JULAI 2021 HINGGA 30 JUN 2022

- 5.1 Jawatankuasa Audit Dalaman telah menjalankan pengauditan ke atas hal-hal kewangan, pentadbiran dan aktiviti-aktiviti koperasi bagi tempoh dua belas bulan (12) iaitu bermula 1 Julai 2022 hingga 30 Jun 2023.

5.2 Jawatankuasa Audit Dalam memerhatikan bahawa telah ada tindakan susulan ke atas beberapa penemuan yang telah dibangkitkan sebelum ini dan berharap Koperasi meningkatkan penambahbaikan yang telah dicadangkan dengan kadar yang segera seperti berikut:-

(i) Perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan sewajarnya di dalam audit No. Rujukan JKAD 1/2025:-

(a) Penemuan

Rekod bayaran tunai dan buku tunai, urusniaga jualan perkhidmatan, pengurusan pinjaman anggota dan daftar keanggotaan

Cadangan

Borang Permohonan Untuk Mengeluarkan Caruman SJC, Borang Permohonan Pembayaran Skim Insuran, Borang Pinjaman Segera dan Borang Permohonan Menjadi Anggota dan Borang Penaam hendaklah diisi dengan lengkap terutamanya yang melibatkan perekodan tarikh dan tempoh sesuatu bayaran.

(ii) Perkara-perkara yang belum diambil tindakan sewajarnya di dalam audit No. Rujukan JKAD 1/2022:

Penemuan

Penerimaan dan pembayaran tunai

Cadangan

Menggunakan satu senarai semak bagi memproses setiap penerimaan dan pembayaran tunai.

(iii) Perkara-perkara yang telah diambil tindakan sewajarnya di dalam audit no. Rujukan JKAD 1/2022:

(a) Penemuan

Rekod Baucer Bayaran

Cadangan

Borang Baucer Bayaran koperasi ditambahbaik dan menyatakan tarikh bayaran atas talian dilakukan serta disahkan oleh Bendahari atau Pembantu Bendahari.

(b) Penemuan

Gaji kakitangan Koperasi

Cadangan

Semakan gaji bagi kakitangan KOMIDA hendaklah dilaksanakan, kali terakhir dibuat pada tahun 2016.

- 5.3 KOMIDA mengambil maklum dan sedang dalam usaha mengambil tindakan dan menambahbaik proses kerja seperti teguran aduit dalam tersebut. Pengesahan pembentangan Laporan Audit Dalam ini dicadangkan oleh Encik Muhammad Adli Samsuddin (No. 0829) dan disokong oleh Muhamad Shaffik Mustapha (No. 0512).

AGENDA 6: LAPORAN KEDUDUKAN KEWANGAN KOMIDA BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2022

- 6.1 Bendahari memaklumkan bahawa pembentangan kali ini adalah untuk **melaporkan Kedudukan Kewangan berakhir 30 Jun 2022 sahaja**. Ini adalah disebabkan Laporan Kewangan tersebut masih dalam proses muktamad oleh pihak audit luar iaitu Aljeffri Dean dan perlu disahkan di peringkat Ahli Lembaga Pengarah. Susulan daripada itu, **tiada pengumuman pengagihan keuntungan dan pembayaran keuntungan ahli pada Mesyuarat Agung Tahunan kali ini**.

Walau bagaimanapun, Bendahari memaklumkan anggaran secara kasar dividen bagi tahun kewangan berakhir Jun 2022 adalah 2.3% yang akan dimuktamadkan dan akan diumumkan pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-26 kelak.

Seperti yang telah dimaklumkan dalam Ucapan Presiden terdahulu, KOMIDA dalam usaha untuk menyiapkan dua (2) lagi akaun tertunggak iaitu laporan kewangan tahun berakhir Jun 2023 dan Jun 2024 dan dijangka akan dibentangkan secara serentak di Mesyuarat Agung Tahunan ke-26 yang dirancang pada pertengahan tahun 2026. Pada masa tersebut, dijangkakan pengagihan keuntungan dapat diselaraskan dan dibayar kepada ahli KOMIDA mengikut kadar yang akan diumumkan kelak.

- 6.2 Seterusnya Bendahari membentangkan Kedudukan Kewangan bagi Tahun Berakhir Jun 2022. Pendapatan Koperasi berjumlah RM306,893.00 telah diperolehi daripada faedah dan caj atas pinjaman (51%), bazar dan mini bazar (4%), dividen (28%) dan komisyen diterima (14%) serta pelbagai pendapatan. Manakala jumlah perbelanjaan Koperasi adalah sebanyak RM162,010.00 bagi menjalankan aktiviti pengguna (58%), kos kakitangan (22%), elaun anggota lembaga pengarah (8%), perbelanjaan mesyuarat AGM (4%) dan lain-lain perbelanjaan pejabat (37%).
- 6.3 Kadar untung bersih dianggarkan sebanyak RM144,883.00 iaitu peningkatan sebanyak 30% daripada keuntungan pada tahun sebelumnya sebanyak RM111,037.00.
- 6.4 Bagi laporan aset semasa - pinjaman anggota, pelbagai penghutang dan deposit telah menunjukkan peningkatan, masing-masing meningkat pada kadar 4% dan 15%. Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori dan deposit juga telah meningkat masing-masing pada kadar 2%.

Manakala bagi cukai dibaik pulih dan Wang dibank telah menurun masing-masing sebanyak 18% dan 29%.

AGENDA 7: MENIMBANG DAN MELULUSKAN ELAUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 7.1 Mesyuarat telah sebulat suara bersetuju supaya elaun Anggota Lembaga Pengarah dikekalkan kepada RM150.00 sebulan. Elaun Jawatankuasa Audit Dalamam juga dikekalkan kepada RM500.00 setahun.
- 7.2 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan kadar elaun dan honorarium tersebut dengan cadangan Puan Che Roshaini Mohd Mustapa Ali (No. 0025) dan disokong oleh Encik Muhammad Fazrul Rahmad (No. 0799).

AGENDA 8: MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TEMPOH JULAI 2024 – JUN 2025

- 8.1 Bendahari telah membentangkan Anggaran Belanjawan bagi tempoh bagi Julai 2024 hingga Jun 2025. Anggaran pendapatan berjumlah RM333,150.00 iaitu 40.0% pendapatan adalah daripada faedah simpanan tetap, 32.0% pendapatan keuntungan daripada pelaburan i-RPS, 11.0% komisen diterima dan selebihnya daripada aktiviti pengguna, faedah atas pinjaman, sewa tapak bazar dan pelbagai pendapatan.
- 8.2 Manakala anggaran perbelanjaan berjumlah RM153,300.00 akan termasuk kos kakitangan sebanyak 45.0%, 22.0% elaun Anggota Lembaga Pengarah, Juruaudit Dalam dan Jawatankuasa Kecil dan selebihnya bagi perbelanjaan mesyuarat MAT dan lain-lain perbelanjaan pejabat.

Oleh itu, KOMIDA menjangkakan keuntungan bersih bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2025 adalah sebanyak RM179,850.00.

- 8.4 Seterusnya, mesyuarat bersetuju meluluskan Anggaran Belanjawan bagi tempoh Julai 2024 hingga Jun 2025 seperti dibincangkan, pencadang daripada Puan Hazizun Ibrahim (No. 0398) dan disokong Puan Nur Ayuni Rosham (No. 0818)

AGENDA 9: MEMILIH DAN MELANTIK ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

- 9.1 Mengikut Undang-undang Kecil Koperasi Perkara 36 (1), satu pertiga daripada bilangan Anggota Lembaga KOMIDA yang dipilih di bawah Undang-undang Kecil Koperasi Perkara 34 hendaklah mengosongkan jawatan mereka secara bergilir-gilir pada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan. Bagi dua tahun yang pertama, anggota-anggota yang berhenti hendaklah dipilih secara mencabut undi. Mana-mana anggota yang mengosongkan jawatan di bawah undang-undang ini boleh dilantik semula.
- 9.2 Berdasarkan rekod, lima (5) daripada Anggota Lembaga yang akan **mengosongkan jawatannya dan layak dipilih semula** oleh Mesyuarat Agung Tahunan Ke-25 pada 18 Disember 2025 adalah seperti berikut:

1. **Encik Sherulanuar Abd Karim**
2. **Puan Zamani Aishah Ahmad**
3. **Puan Salmi Azila Mat Isa**
4. **Cik Neliza Satari**

- 9.3 Mesyuarat seterusnya bersetuju untuk **memilih semula** Anggota Lembaga Pengarah berikut:

1. **Encik Sherulanuar Abd Karim**
2. **Puan Salmi Azila Mat Isa**

Pencalonan di atas dicadangkan untuk pengesahan oleh Encik Shamsul Amir Azman @ Azmin Amin (No. 0840) dan disokong oleh Puan Che Hainoor Abdul Hamid (No. 0035).

- 9.4 KOMIDA telah mengedarkan borang pencalonan Ahli Lembaga Pengarah pada 27 November 2025 di Buletin MIDA, dan telah menerima empat (4) pencalonan daripada anggota untuk mengisi empat (4) kekosongan yang ada seperti berikut:

Calon	Pencadang	Penyokong
Encik Ahmad Nur Fayyadh Ahmad Jaafar (No. 0766)	Puan Nurullydia Ahmad (No. 0663)	Encik Haslan Harun (No. 0922)
Encik Mohammad Firdhaus Abbas (No. 0535)	Encik Mohd Safri Pa'e (No. 0529)	Encik Nazuki Abdullah (No. 0105)
Puan Fathilah Hanum Ridzwan (No. 0945)	Puan Salasiah Haddunya (No. 0368)	Cik Juliana Abu Bakar (No. 0849)
Puan Noorazlina Ab Lah (No. 0687)	Puan Siti Raihan Zakaria (No. 0851)	Encik Hidayat Masduki (No. 0875)

Pencalonan telah disahkan oleh penyokong-penyokong di para di atas.

AGENDA 10: PELANTIKAN JURUAUDIT LUAR

- 10.1 Setiausaha memaklumkan dua firma audit yang telah mengemukakan sebutbarga iaitu Firma Audit ALJeffridean PLT dan Firma Tetuan Hidayah & Co. Cadangan oleh Puan Hartinie Mohd Apaidi (No. 0458) dan disokong oleh Puan Azar Ahmad (No. 0431).

AGENDA 11: MENDENGAR, MENIMBANG DAN MEMUTUSKAN URUSAN LAIN (USUL-USUL) KOPERASI

- 11.1 Borang usul telah diedarkan pada 27 November 2025, namun tiada usul bertulis diterima daripada ahli.

AGENDA 12: HAL-HAL LAIN

- 12.1 Encik Nazuki Abdullah (No. 0105) telah membangkitkan mengenai pilihan makanan di kafetaria MIDA terutama untuk sarapan yang sangat terhad dan menu yang sama. Beliau turut mencadangkan agar diperbanyakkan kuantiti makanan tengahari untuk menampung permintaan warga MIDA yang tinggi. Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas teguran yang membina dan cadangan tersebut, dan akan memaklumkan pengurusan operator mengenai perkara ini.
- 12.2 Encik Mohd. Nizam Adam (No. 0513) mencadangkan agar KOMIDA mengadakan jualan barangan keperluan asas MADANI seperti minyak, tepung, beras dan sebagainya. Pengerusi sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas cadangan tersebut dan akan cuba melaksanakannya, dengan kaedah yang sistematik memandangkan KOMIDA mengalami kekangan tempat untuk simpanan stok barangan jualan tersebut.
- 12.3 Encik Mohammed Zahari Othman (No. 0509) pula mencadangkan agar KOMIDA menerokai perniagaan baharu seperti Ar-Rahnu. Pengerusi berterima kasih dan memaklumkan Ar-Rahnu sangat berpotensi namun kekangan KOMIDA sekarang adalah memerlukan kakitangan yang terlatih dan berpengalaman.
- 12.4 Seterusnya Pengerusi memaklumkan beliau ada menerima beberapa cadangan perniagaan yang boleh diterokai seperti bekerjasama dengan sekolah-sekolah untuk membangunkan aplikasi supaya pihak sekolah boleh menyewa dewan yang ada untuk tujuan penganjuran Majlis oleh orang awam, membeli aset seperti service apartment untuk dijadikan Airbnb, kedai kopi dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, beliau sekali lagi mengesa ahli-ahli yang mempunyai cadangan untuk bekerjasama dengan KOMIDA menjalankan perniagaan yang boleh memberi keuntungan dan manfaat kepada kedua-dua pihak.

AGENDA 13: UCAPAN PENANGGUHAN PENERUSI

- 13.1 Pengerusi sekali lagi mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua ahli KOMIDA yang hadir termasuklah para Pesara MIDA yang setia sehingga ke akhir mesyuarat. Diharap sokongan ini akan berterusan supaya Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dapat terus berkhidmat untuk KOMIDA.



Disediakan oleh:



(ZURAINI BINTI MUSTAPHA)
Setiausaha,
Koperasi MIDA Kuala Lumpur Berhad

PERAKUAN

Bahawa kami yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi MIDA Kuala Lumpur Berhad yang ke-25 yang mesyuarat pada 18 Disember 2025 telah meneliti, menyemak dan membuat pindaan sewajarnya terhadap deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi MIDA Kuala Lumpur Berhad ke-25 dan dengan ini memperakukan pengesahan minit tersebut.

Bil	Nama Anggota	No Anggota	Jawatan	Tandatangan
1.	Encik Muhammad Azizul-Atfi Adnan	0704	Bendahari	
2.	Puan Salasiah Haddunya	0368	Timbalan Pengerusi	
3.	Puan Salmi Azila Mat Isa	0466	Ahli Lembaga Pengarah	
4.	Puan Hartinie Mohd Apaidi	0458	Ahli Lembaga Pengarah	
5.	Puan Che Hainoor Abdul Hamid	0035	Ahli	
6.	Cik Nur Erisa Aiman Ahmad Rhobinuddin	0969	Ahli	
7.	Puan Noor Shakirin Zainol	0816	Ahli	
8.	Puan Farazila Ahmad	0487	Ahli	
9.	Puan Siti Sarbanun Shaik Baharudin	0434	Ahli	
10.	Encik Haslan Harun	0922	Ahli	